

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]**

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penyertaan Malaysia dalam konvensyen antarabangsa untuk pencemaran minyak di perairan, pencemaran hazardous and noxious substances (HNS) di perairan serta senaraikan pembayaran oleh Kerajaan atau pihak swasta untuk menyertai konvensyen-konvensyen tersebut serta butiran tuntutan dan amaun yang telah diperolehi di bawah konvensyen antarabangsa akibat pencemaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia merupakan negara ahli kepada *International Convention on the Establishment of an International Fund for Compensation for Oil Pollution Damage (Fund) Protocol 1992 (IOPC Funds)* sejak tahun 2005 dan turut menghantar wakil untuk menghadiri mesyuarat *IOPC Funds* setiap tahun di Ibu Pejabat International Maritime Organization (IMO), London.

Malaysia telahpun meratifikasi *Protocol on Preparedness, Response and Co-operation to Pollution Incidents by Hazardous and Noxious Substances, 2000 (Protokol OPRC-HNS 2000)* pada 2014. Protokol antarabangsa ini antara lainnya, bertujuan untuk menambah baik Konvensyen OPRC 1990 dengan memasukkan elemen baharu kargo bahan berbahaya iaitu *Hazardous and Noxious Substances (HNS)* dalam tindakan melawan pencemaran. Setakat ini, tiada insiden pencemaran yang melibat kargo HNS di perairan Malaysia.

Sehingga tahun 2021, OPRC-HNS Protocol telah diratifikasi oleh 41 Negara Ahli IMO termasuk Malaysia, dan telah berkuatkuasa pada 14 Jun 2007.

Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah menetapkan agar semua terminal / jeti persendirian / syarikat / pengendali kargo import *Hazardous and Noxious Substances (HNS)* di dalam bentuk pukal cerai (*break bulk*) termasuk pepejal, cecair, gas, *edible and non-edible* yang beroperasi di dalam had pelabuhan, untuk mengemukakan / membuat pengisytiharan penerimaan dan pengendalian kargo secara bulanan kepada pihak JLM sebelum atau pada 10 hari bulan berikutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kelulusan, jumlah penolakan dan jumlah kes yang sedang diproses untuk permohonan kewarganegaraan tersebut dengan terperinci setiap tahun dari tahun 2015-2021 untuk Perkara 15A, Perkara 15(1), Perkara 15(2), Perkara 16 dan Perkara 19 di bawah Perlembagaan Persekutuan .

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2015 hingga 11 Oktober 2021, sebanyak 76,696 permohonan di bawah Perkara 15A, 15(1), 15(2), 16 dan 19 Perlembagaan Persekutuan yang diterima dan sebanyak 15,775 permohonan telah dianugerahkan warganegara, 8,147 ditolak dan 48,584 dalam proses.